

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 SEPTEMBER 2016

Dr M kian terdesak heret pelbagai pihak

BH-18/9/2016

Georgetown: Tun Dr Mahathir Mohamad dilihat semakin terdesak apabila mengheret Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dalam pelan politiknya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan, berkata tindakan Dr Mahathir yang menggunakan pelbagai cara untuk memastikan agenda peribadinya terlaksana, disifatkan sebagai matlamat menghalalkan cara.

"Tindakan Dr Mahathir yang mengheret pelbagai pihak untuk memastikan agendanya tercapai ini dilihat seolah-olah sudah bertukar menjadi dendam peribadi antara beliau dan Najib dan bukannya bertujuan membangunkan negara.

Zaman Dr M sudah berakhir

"Beliau harus sedar bahawa zaman dan masanya sudah berakhir, justeru beliau perlu beri peluang kepada tampuk kepemimpinan baharu untuk mentadbir negara dengan lebih terancang dan mengikut cara tersendiri tanpa perlu campur tangan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas melancarkan Tabung Kemanusiaan kelab motosikal berkuasa besar, Kingz MG (M) di sini, malam kelmarin.

Khamis lalu, Dr Mahathir ditemani bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan menghadap Yang di-Pertuan Agong dan menyerahkan 1.4 juta tandatangan bagi mendesak Najib meletak jawatan, di Istana Anak Bukit di Alor Setar, Kedah.



Tindakan Dr Mahathir yang mengheret

pelbagai pihak untuk memastikan agendanya tercapai ini dilihat seolah-olah sudah bertukar menjadi dendam peribadi antara beliau dan Najib dan bukannya bertujuan membangunkan negara"

Sohaimi Shahadan,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO